

Rancangan kerjanya ikut bidang pengajian

SITUASI semasa menunjukkan tidak semua pelajar berjaya mendapat program pengajian yang menjadi pilihan mereka sehingga terpaksa mengikuti program pengajian pilihan kedua, ketiga dan seterusnya yang kurang diminati.

Menurut pensyarah di Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Sidek Mohd Noah, pelajar perlu dibimbing ke arah matlamat yang benar-benar sesuai dengan personaliti, minat, nilai, kebolehan dan pencapaian.

“Ada dua perkara yang perlu diambilkira dalam memilih institusi pengajian tinggi terbaik. Pertama adalah aspek mengenai diri yang menekankan kepada pemilihan program pengajian bersesuaian selaras dengan potensi diri khususnya berkaitan minat, personaliti, nilai, konsep sendiri, pencapaian akademik dan kebolehan. Dan kedua adalah memilih institusi pengajian yang menawarkan program pilihan dan mempunyai tanggapan positif kepada majikan,” katanya.

Tambah beliau, penggunaan teknik psikometrik iaitu penggunaan ujian atau inventori psikologi dapat memainkan peranan dalam proses ini.

“Walaupun banyak ujian dan inventori psikologi yang boleh digunakan oleh kaunselor untuk tujuan membantu pelajar mengenal diri, mereka hanya perlu menguasai minimum tiga ujian psikologi iaitu Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS), Inventori Personaliti Sidek (IPS) dan Inventori Nilai Pekerjaan Sidek (INPS).

“Melalui kaedah ini, maklumat mengenai diri pelajar yang diperoleh daripada penggunaan ujian psikologi dan kemudian akan digabungkan dengan maklumat kerjaya yang ada. Penilaian kemudiannya dibuat untuk menentukan sama ada program pengajian yang dipilih selaras dengan ciri-ciri dan potensi diri,” ujar beliau.



Nama

Sidek Mohd Noah

Jawatan

Prof Madya

Kelayakan

Bachelor Pendidikan (UPM),

M.Sc. (W. Michigan),

Ph.D. (UKM)

Jabatan

Bimbingan dan

Kaunseling

Pengkhususan

Kaunseling Kerjaya,

Kaunseling Penilaian

E-mel

smn@educ.upm.

edu.my

Telefon

(603) 89468167

Langkah pemilihan kerjaya

- Kaunselor perlu membantu pelajar mengenal pasti diri dengan meneroka potensi diri menggunakan kaedah tertentu seperti penggunaan teknik psikometrik yang melibatkan penggunaan ujian psikologi yang meliputi ujian minat kerjaya, ujian personaliti dan ujian nilai pekerjaan dan ujian pencapaian
- Peranan kaunselor kerjaya perlu membantu pelajar memperoleh maklumat kerjaya secara berkesan dengan mengadakan program-program bimbingan kerjaya seperti seminar, ceramah, bengkel dan majlis penerangan kerjaya
- Individu perlu membuat keputusan dengan tepat matlamat kerjaya masing-masing dengan memadukan maklumat berkaitan potensi diri dengan maklumat yang berkaitan dengan sesuatu bidang pendidikan atau pekerjaan.